


BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF

- Lebuh raya terpanjang di Semenanjung Malaysia
- Pemangkin ekonomi Malaysia

- 1 Maklumat di atas dapat dikaitkan dengan
- Lebuh raya Persekutuan
 - Lebuh raya Pan Borneo
 - Lebuh raya Pantai Timur
 - Lebuh raya Utara Selatan

- Menghubungkan kawasan pantai barat dan pantai timur
- Melalui kawasan Gerik dan Jeli

- 2 Maklumat di atas dapat dikaitkan dengan lebuh raya bertanda



- 3 Mengapakah jaringan pengangkutan lebih padat di pantai barat Semenanjung Malaysia?
- Penduduk jarang
 - Kos pembinaan yang murah
 - Banyak kawasan perindustrian
 - Bentuk muka bumi pinggir pantai
- 4 Pusat pengangkutan rel bersepadu di Malaysia ialah
- Gemas
 - KL Sentral
 - Tumpat
 - Seremban



- 5 Mengapakah perkhidmatan dalam foto 1 di atas penting di Kuala Lumpur?
- Mengangkut barangan
 - Menggalakkan ekopelancongan
 - Mengurangkan kesesakan lalu lintas
 - Mengembangkan kawasan perindustrian

- 6 Antara berikut, yang manakah merupakan lapangan terbang antarabangsa di Malaysia?

- Lapangan Terbang Senai
- Lapangan Terbang Kuching
- Lapangan Terbang Kuantan
- Lapangan Terbang Kuala Terengganu

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

- 7 Mengapakah perkhidmatan pengangkutan udara penting kepada pembangunan ekonomi negara?

- Mengangkut barangan pukal
- Meningkatkan integrasi penduduk
- Meningkatkan aktiviti pelancongan
- Memajukan kegiatan perindustrian

- 8 Pengangkutan kontena sering dikaitkan dengan aktiviti

- pelancongan
- aktiviti kapal persiaran
- mengangkut penumpang
- urusan import dan eksport

- Perkhidmatan atas talian
- Pelanggan menempah perkhidmatan menggunakan aplikasi telefon seperti Grab

- 9 Maklumat di atas merujuk kepada perkhidmatan

- Taksi
- Monorel
- E Hailing
- Kapal terbang

- 10 Pembinaan terowong SMART adalah disebabkan oleh faktor

- dasar kerajaan
- kemajuan teknologi
- kegiatan ekonomi
- bentuk muka bumi

- 11 Mengapakah pengangkutan darat tidak begitu meluas di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak?

- Kekurangan bahan mentah
- Bentuk muka bumi tanah tinggi
- Pengangkutan darat yang terhad
- Penduduk hidup berpindah randah

- Paling awal diperkenalkan di Tanah Melayu
- Digunakan untuk urusan pentadbiran

- 12 Maklumat di atas merujuk kepada

- telegraf
- mesin teleks
- telefon bimbit
- mesin faks

- 13 Apakah kepentingan telekomunikasi kepada perkembangan ekonomi Malaysia?

- Meningkatkan integrasi kaum
- Meluaskan peluang pendidikan
- Meluaskan pasaran barangan
- Membolehkan ramalan cuaca dilakukan

- Rekod pesakit di atas talian
- Perkongsian maklumat dari doktor pakar luar negara

- 14 Maklumat di atas mungkin sekali boleh dikaitkan dengan
 A telesidang C e-perbankan
 B teleperubatan D e-dagang
- 15 Penggunaan alat telekomunikasi secara beretika ialah
 A melakukan plagiat
 B mengamalkan sikap toleransi
 C memberikan komen sesuka hati
 D mendedahkan maklumat diri di atas talian
- 16 Apakah pengangkutan awam yang dapat mengurangkan pencemaran udara di bandar?
 A Kapal terbang C Bas awam
 B Bot ekspres D Rel bersepadu
- 17 Apakah kepentingan pengangkutan E hailing kepada ekonomi di kawasan bandar?
 A Meningkatkan peluang pekerjaan
 B Mengurangkan pencemaran
 C Mengangkut barangan
 D Perjalanan selamat

- 18 Apakah kepentingan tele-perbankan kepada pembangunan negara?


- A Wujud petempatan baru
- B Mata wang negara stabil
- C Mempercepatkan komunikasi
- D Urusan perniagaan lebih mudah



- 19 Apakah kepentingan penggunaan kereta hibrid ini di kawasan bandar?
 A Memudahkan pergerakan kenderaan
 B Mengurangkan kesesakan lalu lintas
 C Menjimatkan penggunaan bahan api
 D Pembebasan gas oksigen berkurang
- 20 Antara berikut, yang manakah benar tentang kemajuan kabel fiber optik?
 A Menyimpan maklumat
 B Menggalakkan penubuhan MSC
 C Memindahkan data dengan mudah
 D Infrastruktur telekomunikasi berkembang

BAHAGIAN B : SOALAN STRUKTUR

1. Susun gambar dan lengkapkan nama alat telekomunikasi dibawah mengikut susunan perkembangan alat telekomunikasi di Malaysia.



Telefon Bimbit

Telegraf


Mesin Faks

Telefon Pintar

Mesin Teleks

Telefon

Nyatakan nama satelit yang dilancarkan berdasarkan garis masa di bawah.



Suai padankan pernyataan di bawah dengan pilihan jawapan yang paling tepat.

Pernyataan	Jawapan
Encik Syahmi tinggal di Kelantan dan ingin membawa anak-anaknya bercuti di Kuala Lumpur pada cuti sekolah yang akan tiba tidak lama lagi. Pengangkutan awam yang paling sesuai digunakan oleh beliau adalah ...	KTM Antarabandar / Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS)
Jika Encik Irfan ingin membawa anak-anaknya mengelilingi Malaysia menggunakan pengangkutan darat, destinasi manakah yang tidak boleh beliau pergi?	Bas Express / Perkhidmatan kereta api (KTM)
Safiyah dan rakannya berhajat untuk melawat pemsyarahnya yang sedang sakit di Tanjung Malim dengan menggunakan pengangkutan awam yang mesra alam.	Negeri Sabah dan Sarawak
Ini merupakan pengangkutan awam yang terkenal di Pulau Pinang. Pengangkutan ini menjimatkan kos dan boleh membawa barangan dan kenderaan darat merentasi selat melaka.	e-panggilan (e-hailing)
Hana yang tinggal di Kuantan mendapat tawaran belajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pengangkutan awam yang manakah dapat membantu Hana?	Feri
Shahrin bekerja di Petaling Jaya dan ingin pulang ke rumahnya yang terletak di Damansara. Beliau ingin menggunakan perkhidmatan awam dengan membuat tempahan melalui aplikasi.	Kapal Terbang

Suai padankan kesan positif perkembangan telekomunikasi terhadap pembangunan negara.

Pernyataan	Jawapan
Rakyat dapat berurusan dengan agensi kerajaan secara lebih mudah dan cepat	e-perbankan
Perkembangan pelbagai sektor seperti perkilangan dan perkhidmatan menawarkan jawatan kosong di sosial media.	e-kerajaan
Urusan perbankan boleh dijalankan di mana-mana sahaja seperti urusan pindahan wang atas talian.	Peluang pekerjaan
Pesakit boleh diperiksa oleh doktor pakar secara jarak jauh menggunakan teknologi komunikasi.	e-dagang
Pelbagai maklumat dapat diperoleh dengan cepat dan mudah melalui capaian internet	Perkhidmatan telekesihatan
Perkhidmatan dan jual beli boleh dilakukan di atas talian	Telesidang
Aktiviti, perbincangan dan interaksi yang dilakukan secara maya	Dunia tanpa sempadan